

14/02/2003

Pemuda, Puteri setuju isu pengganti dihenti

KOTA KINABALU: Pemuda dan Puteri Umno Sabah menyokong penuh saranan Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat supaya isu berhubung penggantinya tidak dibangkitkan lagi selepas ini.

Kedua-dua pergerakan itu sependapat, pengesahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin bahawa Umno akan mengambil giliran selepas ini sepatutnya diterima semua pihak.

Naib Ketua Pemuda Umno negeri, Ahmad Mohd Said, berkata sesiapa saja pemimpin yang dilantik Perdana Menteri perlu diberi sokongan tidak kira ia pemimpin veteran atau di kalangan Pemuda.

"Perdana Menteri mempunyai pilihan tepat dan kami amat yakin dengan kebijaksanaannya memilih pemimpin yang sesuai menerajui tampuk pemerintahan kerajaan negeri," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Chong mengenai isu penggantinya sudah selesai kerana Dr Mahathir sudah membuat pengumuman bahawa pemimpin terbabit adalah mewakili Umno.

Pada masa ini Pengerusi Badan Perhubungan Umno, Datuk Musa Aman, dilihat calon paling sesuai mengisi jawatan Ketua Sabah yang baru berasaskan kepada kedudukannya meskipun nama Timbalan Ketua Menteri, Datuk Lajim Ukin serta bekas Ketua Menteri, Datuk Salleh Said turut disebut-sebut.

Ahmad berkata, kenyataan Perdana Menteri sudah jelas dan tidak perlu dipertikaikan lagi dengan terus memperkatakan isu Chong mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir agar terus memegang jawatan itu.

Sementara itu, Ketua Puteri Umno negeri, Rosnah Abdul Rashid, berkata paling penting sekarang ialah semua pemimpin dan anggota parti menerima dan memberi sokongan kepada Ketua Menteri baru.